

21 JAN 1997

PENDUDUK PINGGIR SUNGAI TIDAK AKAN DIPAKSA BERPINDAH, KATA TING

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Penduduk pinggir sungai tidak akan dipaksa untuk berpindah sekiranya mereka enggan berbuat demikian, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

Katanya daripada segi undang-undang, sekiranya tanah itu bukan hak milik kerajaan, maka kerajaan hanya boleh memberi nasihat supaya berpindah dan tidak boleh memaksa mereka berbuat demikian.

Bagaimanapun, terdapat perundangan yang menetapkan bahawa penduduk pinggir sungai tidak dibenarkan membina rumah pada suatu jarak tertentu dari sungai, katanya kepada pemberita apabila diminta mengulas mengenai rancangan penempatan penduduk tebing sungai seperti yang telah diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Jan lepas.

Ketika ditanya sekiranya kawasan tebing itu didapati berbahaya, Ting berkata masalah itu akan dibincangkan dengan semua kerajaan negeri yang telah diminta mengumpul maklumat mengenai lokasi penempatan pinggir sungai yang berbahaya.

"Usaha penempatan semula itu bukanlah perkara yang mudah kerana ia melibatkan banyak persoalan seperti siapakah yang akan membiayai kos penempatan tersebut dan dimanakah tanah yang sesuai boleh didapati," katanya.

Sebelum itu, Ting telah dikunjungi oleh 22 orang ahli perniagaan dan pembinaan dari wilayah Hubei, di China, di pejabatnya di sini.

-- BERNAMA

YBK MAI